

Pengaruh Asia Barat terhadap Mahasiswa Alaf Baru The Influence of Western Asia to the New Millennium Students

ANWAR MUTTAQIN
WAN KAMAL MUJANI
KARTINI ABOO TALIB @ KHALID

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh Asia Barat terhadap mahasiswa alaf baru. Dikaji sejarah pelajar Melayu lepasan Mesir dalam perkembangan awal pemikiran pelajar Melayu dan pengaruh dari Asia Barat telah memainkan peranan sebagai sumber yang penting, bermula daripada peranan yang dimainkan oleh pemikiran islah dan sumbangsih di Tanah Melayu dan seterusnya isu-isu terkini yang melibatkan mahasiswa dan pengaruh Asia Barat. Penulis turut mengenal pasti medium atau saluran yang digunakan oleh pelajar Melayu sebelum merdeka dan mahasiswa alaf baru ini. Metodologi penyelidikan yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan yang merujuk kepada buku-buku, tesis, jurnal, akhbar dan majalah tempatan yang berkaitan dengan tajuk tersebut. Pengkaji mendapatkan terdapat perbezaan yang ketara antara mahasiswa dahulu dan sekarang berkaitan dengan isu-isu Asia Barat yang mempengaruhi pemikiran dan tindakan mahasiswa kini. Namun kemodenan penyampaian maklumat dalam dunia tanpa sempadan ini banyak mempengaruhi pemikiran dan ideologi mahasiswa terutamanya perubahan besar atau revolusi di Timur Tengah dan malang sekali apabila maklumat yang diterima oleh mahasiswa itu adalah salah dan bermotifkan perjuangan sesuatu kumpulan sahaja. Ini mengakibatkan berlakunya gejala-gejala ekstrem di kalangan mahasiswa dan menghakis tanggapan dunia terhadap budaya masyarakat Malaysia umumnya dan Melayu khususnya yang terkenal dengan adab sopan dan budi pekerti mulia yang tinggi.

Kata kunci: Asia Barat; mahasiswa alaf baru; pelajar Melayu

ABSTRACT

This article seeks to identify the influence of Western Asia to the new millennium students. The history of Malay students graduated from Egypt in the early development of Malay thought is studied, and the influence from the Middle East has played a role as an important resource, starting from the role played by the reformist thinking and contributions in Malaya and then current issues affecting students and the influence of Western Asia. Authors also identify a medium or channel used by Malays before independence and students of the new millennium. The research methodology used was qualitative methods through research literature refers to books, theses, journals, newspapers and magazines related to the title. Researchers found that there are significant differences between past and present students with issues related to the Middle East affecting student thought and action now. But modernity presentation of information in this borderless world greatly influenced the thinking and ideology mahasiswa especially the big change or revolution in the Middle East and unfortunate that the information received by the student was wrong and motivated by the struggle of a group only. This leads to extreme symptoms among students and erode the world's perception of Malaysian culture in general and Malays in particular, which is known for its good manners and high morals noble.

Keywords: Middle East; students of the new millennium; Malay students

PENGENALAN

Menjelang 2020, Malaysia berharap untuk menjadi sebuah negara maju. Sejak dengan matlamat tersebut, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan bagi memastikan hasrat tersebut tercapai di antaranya, pihak kerajaan telah menyeru rakyat Malaysia bersatu tenaga dan usaha bagi memastikan wawasan 2020 tercapai dan golongan mahasiswa dikenal pasti sebagai aset utama negara bagi mencapai

wawasan 2020 (Ab. Rahman 2008). Mahasiswa dapat memberikan satu kelainan baru dalam mengajak masyarakat berfikir. Hal ini selaras dengan gesaan Mahathir Mohamad supaya mahasiswa menyediakan diri ke arah mencapai wawasan 2020 dengan menghindarkan diri daripada dikuasai budaya dan nilai hidup kebaratan dan ekstrem yang tidak sesuai dengan kemajuan negara.

Namun selepas berlakunya Revolusi Timur Tengah atau ‘Arab Spring’, hal tersebut sedikit

sebanyak mempengaruhi pemikiran dan tindakan mahasiswa di Malaysia seperti yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar perdana dari tahun 2011 hingga 2012 berkenaan perlakuan ekstrem dan tindakan-tindakan di luar jangkaan.

Terdapat beberapa sarjana yang membincangkan isu pengaruh dan sumbangan Asia Barat terhadap pelajar Melayu. Antaranya Abd. Wahid Jais (2006) telah menerbitkan artikel yang bertajuk *Interaksi Malaysia-Mesir dari Perspektif Tamadun*. Dalam artikel ini banyak membincangkan peranan al-Azhar dalam membantu pelajar Melayu menuntut ilmu di sana. Farid Mat Zain dan Napisah Karimah (2009) menerbitkan artikel *Pengaruh dan Sumbangan al-Azhariyyun terhadap Perkembangan Islam di Malaysia*. Artikel ini membincangkan sumbangan al-Azhariyyun kepada Tanah Melayu sebelum merdeka dan sedikit maklumat selepas merdeka. Redzuan Othman (2005) telah menerbitkan artikel bertajuk *Peranan Pelajar Lulusan Mesir dalam Perkembangan Politik dan Agama Masyarakat Melayu*. Artikel ini membincangkan peranan pelajar lepasan Mesir terhadap sistem politik dan agama di Malaysia bermula dari selepas kemerdekaan Malaysia. Secara keseluruhan daripada beberapa sarjana ini hanya membincangkan sumbangan dan pengaruh pelajar Melayu lepasan Asia Barat umumnya dan al-Azhar khususnya dan juga sistem pendidikan dan politik orang Melayu secara umum.

Penulis merasakan pentingnya kajian yang khusus untuk melihat secara jelas kaitan pengaruh antara Asia Barat dan mahasiswa di Malaysia dan juga menilai medium ataupun saluran yang digunakan dalam penyebaran pengaruh ini. Artikel ini juga bertujuan untuk melihat pengaruh dan perkaitan antara Asia Barat dan mahasiswa di Malaysia dari sudut sejarah dan isu-isu semasa yang berlaku dan juga menganalisis medium ataupun saluran yang digunakan dalam menyebarkan pengaruh tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Penulis menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada beberapa sumber yang boleh dikategorikan sebagai sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer terdiri daripada akhbar-akhbar tempatan dan majalah berkenaan tajuk yang ditulis. Sumber sekunder pula adalah merupakan buku, laporan, jurnal dan laman web yang merujuk kepada bahan yang sedia ada.

Dalam proses pencarian literatur yang berkaitan dengan topik kajian sebahagian besar kerja tersebut

dilakukan secara fizikal atau manual seperti mencari buku dan artikel dalam jurnal tertentu yang terdapat di Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebahagian tinjauan literatur yang dibuat oleh penulis adalah tidak lebih dari laporan berkenaan dengan apa yang telah dilakukan dan diperkatakan oleh penulis terdahulu. Tinjauan tersebut adalah sekadar satu senarai pemerian tentang bahan-bahan yang telah diterbitkan atau satu himpunan ringkas tentang kajian lepas.

Dalam membuat tinjauan literatur, penulis mendapati ada di antara bahan-bahan tersebut tidak menggunakan teori atau perspektif tertentu sebagai landasan. Maka pelbagai pandangan dan hasil kajian yang berbeza membuatkan penulis menganalisis bagi membentuk satu keseluruhan yang padu bersesuaian dengan tajuk penulisan tanpa menggunakan teori yang khusus.

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG MELAYU DI ASIA BARAT

Abad ke-19 boleh disebut sebagai "Abad al-Haramain" iaitu abad orang Melayu menjadikan Makkah dan Madinah sebagai kiblat memperoleh ilmu pengetahuan. Mereka tinggal di kota ini dalam tempoh yang lama malah ada yang bermastautin terus di sana. Snouck Hurgronje dalam bukunya *Mecca in the later part of 19th Century* menyatakan bahawa terdapat sebilangan ulama Melayu bermastautin di Makkah dan Madinah. Mereka ini dilantik memegang jawatan penting termasuk imam di Masjid al-Haram (Farid & Napisah 2009).

Tidak dapat dipastikan secara jelas bilakah orang Melayu mengalihkan pandangan ke Mesir. Namun, semasa pergolakan politik di Makkah dan Madinah menjelang abad ke-20, orang Melayu sedar bahawa mereka perlu mengalih arah ke tempat lain. Shaykh Ahmad al-Fatani disebut sebagai salah seorang yang memulakan langkah meninjau perkembangan ilmu di tempat baru itu. Beliau pergi ke al-Azhar bersama rakannya, Tok Kenali (Muhammad Shaghir 2005: 43-44). Menurut Ahmad al-Fathi (2001: 56), selain Shaykh Ahmad al-Fatani, antara pelajar Melayu lain yang belajar di al-Azhar ialah Tuan Guru Haji Muhammad Amin dari Patani, Tuan Guru Haji Daud, berasal dari Kubang Bunut, Pasir Mas, Kelantan, Tuan Guru Haji Wan Muhammad dan Tuan Guru Haji Wan Abd al-Mubin bin Ahmad dari Kota Bharu, Kelantan (Farid & Napisah 2009).

Penyebaran pengaruh Asia Barat dalam masyarakat Melayu dikaitkan dengan bermulanya peranan yang dimainkan oleh Universiti al-Azhar di Mesir sebagai pusat ilmu yang menjadi destinasi belia-belia Melayu sejak tahun 1920-an. Di samping sebuah pusat ilmu, Mesir juga merupakan pusat peradaban Islam yang agung yang perkembangannya turut mempengaruhi perkembangan umat Islam secara keseluruhannya. Perkembangan yang berlaku di Mesir ini banyak dipengaruhi oleh faktor latar belakang penghayatan Islam oleh penduduknya dan kewujudan institusi pengajian tinggi yang agung, iaitu Universiti al-Azhar. Universiti ini telah berjaya melahirkan ramai aktivis yang berusaha dan memainkan peranan membela nasib bangsanya (Mahyudin Yahya 1986).

Selain faktor perkembangan politik, Mesir juga telah dapat menandingi Makkah sebagai pusat pengajian Islam yang sebelumnya banyak bertumpu di sana. Ini kerana ramai sarjana Islam menegaskan bahawa kaedah dan bentuk pengajian ilmu Islam yang dijalankan di Universiti al-Azhar adalah lebih baik dan bersesuaian dengan pendekatan moden berbanding institusi pendidikan tinggi yang terdapat di Makkah (Abd. Wahid 2006). Di samping itu, orang Melayu juga tertarik untuk ke al-Azhar kerana kemudahan yang diberikan iaitu pendidikan secara percuma dan tanpa had waktu kepada penuntut luar. Selain itu, para pelajar juga bebas berjumpa shaykh-shaykh al-Azhar untuk bertanyakan masalah pengajian yang dihadapi.

Di samping peranan yang dimainkan oleh Universiti al-Azhar, kepesatan penyebaran kesedaran ini di Mesir juga turut dibantu oleh perkembangan media persuratkhabaran yang berkembang pesat sejak akhir abad ke-19. Dalam sejarah perkembangan awal nasionalisme Melayu, peranan pengaruh dari Mesir telah memainkan peranan penting menyemai kesedaran tersebut kepada masyarakat Melayu. Penyaluran perkembangan kesedaran ini berlaku melalui tiutan semangat kesedaran ketika menuntut dan melalui pembacaan akhbar terbitan negara tersebut telah menyebarkan kesedaran ini melalui akhbar-akhbar yang mereka terbitkan di sini dan melalui penubuhan madrasah bagi menyebarkan kesedaran Islam atau pemikiran islah ke dalam masyarakat (Abdullah Ishak 1995).

Perkembangan politik yang berlaku di Mesir telah menarik minat orang Melayu sejak awal abad ke-20 lagi. Pergolakan politik yang berlaku dalam negara tersebut sering mendapat perhatian orang Melayu dan dilaporkan oleh akhbar-akhbar Melayu. Perkembangan kesedaran ini mempunyai kaitan yang erat dengan gerakan islah dan gerakan Pan-Islamisme

yang dipelopori oleh Jamal al-Din al-Afghani dan dua orang tokoh pemikir Arab, iaitu Muhammad 'Abduh (1849-1905) dan Rashid Rida (1865-1935). Melalui mereka inilah pemikiran al-Afghani yang menyeru supaya umat Islam melakukan pembaharuan dalam bagai memperbaiki kelemahan mereka tersebut ke dalam masyarakat Melayu. Pengaliran pengaruh ini ke Tanah Melayu dimainkan oleh mereka yang pernah mendapat pendidikan di Mesir atau terdedah kepada perkembangan yang berlaku di sana. Mereka ini secara tidak langsung mempunyai hubungan dengan kedua-dua tokoh ini (Mahmood Zuhdi et al. 2005).

Kesedaran politik yang wujud di kalangan pelajar Melayu di Kaherah juga mendorong mereka menunjukkan sikap prihatin terhadap perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu, terutamanya yang membabitkan survival orang Melayu. Pelajar dari Tanah Melayu juga turut memainkan peranan penting setelah kembali ke tanah air sebagai pendesak kepada penjajahan British serta membangkitkan semangat orang Melayu melalui penerbitan akhbar-akhbar.

Kesedaran yang wujud di kalangan pejajar yang menuntut di Kaherah mendorong mereka menyuarakan pendirian mereka yang jelas dalam isu-isu yang berkaitan dengan umat Islam seperti isu kemunduran orang Melayu dan pergolakan di Palestin. Pengalaman sebagai penuntut, pemimpin pelajar dan pendedahan politik ternyata merupakan aset berguna apabila pelajar lulusan Mesir kembali ke tanah air apabila mereka berperanan dalam mengerakkan perubahan sosial dan mencetuskan kesedaran politik dalam masyarakat (Mohamad Redzuan 2005).

SUMBANGAN GRADUAN MELAYU ASIA BARAT KEPADA SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Usaha memajukan pendidikan Islam dilakukan oleh graduan dari al-Azhar sebaik sahaja mereka kembali ke tanah air selepas menamatkan pengajian. Mereka berusaha mewujudkan satu sistem pengajian yang lebih moden dengan memperbaharui beberapa aspek pengajian. Graduan awal seperti Hj. Muhammad Saleh Masri contohnya, telah membuka sebuah madrasah yang dinamakan Madrasah al-Masriyah di Bukit Mertajam pada tahun 1906, iaitu setahun selepas beliau menamatkan pengajiannya di al-Azhar (Othman 1980).

Selain Hj. Muhammad Saleh Masri, Tok Kenali juga dilihat terpengaruh dengan pembaharuan yang berlaku di al-Azhar. Walaupun kunjungan beliau hanya dalam masa yang singkat bersama gurunya

Shaykh Ahmad al-Fatani, namun mereka sempat meninjau perkembangan pendidikan Islam di al-Azhar dan beberapa institusi lain di Kaherah di samping berjumpa dengan beberapa orang tokoh di sana. Sekembalinya Tok Kenali ke tanah air, beliau telah menerbitkan majalah *Pengasoh* yang merupakan majalah berunsur Islam pada tahun 1336H/1918M. Di samping pembaharuan dalam sistem pengajian pondok, peluang pendidikan juga dibuka kepada pelajar perempuan dan ini adalah antara pembaharuan yang dilakukan hasil daripada perkembangan yang berlaku di al-Azhar (Farid & Napisah 2009).

Dalam konteks pendidikan tinggi Islam pula, graduan al-Azhar memainkan peranan penting dalam mengasas dan mengembangkan sistem pendidikan tinggi Islam di Malaysia. Nama-nama seperti Allahyarham Tan Sri Prof. Dr. Abdull Jalil Hasan, Allahyarham Ustaz Haji Nik Mohamad Muhyudin Musa dan Allahyarham Dr. Wan Husin Azmi, antara graduan al-Azhar yang banyak memberi sumbangan dalam bidang pendidikan tinggi Islam di Malaysia (Muda 2006: 334). Graduan dari Kolej Islam Klang (KIK), yang merupakan institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia pada era menjelang kemerdekaan telah dihantar ke al-Azhar dan mereka kembali ke tanah air dengan ijazah masing-masing. Mereka kemudian dilantik memegang jawatan di institusi pengajian tinggi Islam yang mula muncul pada masa tersebut. Tan Sri Abdull Jalil Hasan dan Nik Mohd. Muhyidin Musa, sebagai contoh, antara mereka yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran Kolej Islam Malaya (KIM) dan Kolej Islam Kelang (KIK) (Farid & Napisah 2009).

Al-Azhar menjadi semakin terkenal apabila graduannya kembali ke tanah air dan berperanan besar dalam masyarakat berikutan mereka menjadi rujukan dalam agama dan menjadi pengasas institusi pendidikan seperti madrasah. Setiap madrasah dan maahad yang dibuka akan menghantar para pelajarnya ke al-Azhar setelah mereka menamatkan pengajian di madrasah masing-masing. Penubuhan institusi pendidikan tinggi seperti Kolej Islam Klang menjelang kemerdekaan menjadikan pelajar Melayu ke al-Azhar bertambah ramai sehingga terbentuknya persatuan pelajar Melayu di Mesir untuk membela dan menjaga kebijakan pelajar Melayu di sana.

Selepas generasi awal tersebut, al-Azhar mula menjadi paksi utama pendidikan orang Melayu. Graduan-graduan ini yang diserap dalam pentadbiran kerajaan, khususnya pendidikan. Bermula dari sini, islamisasi dalam sistem pendidikan mula berlaku, terutamanya dalam penggubalan kurikulum sama ada di peringkat rendah mahupun menengah di samping

penubuhan institusi pengajian tinggi Islam seperti universiti dan kolej (Mohamad Redzuan 2005).

Perkembangan politik di Mesir mempengaruhi pemikiran dan fahaman politik penuntut Melayu di sana. Mereka melihat persaingan antara parti-parti politik yang ada dalam usaha membebaskan Mesir daripada belenggu penjajahan British. Penuntut Melayu terpengaruh dengan tokoh-tokoh seperti Ahmad Lutfi al-Sayyid, Mustafa Kamil dan Saad Zaghlul yang memimpin parti politik masing-masing. Kegiatan seperti demonstrasi, pengedaran risalah dan ceramah umum meresap dan mempengaruhi pemikiran dan tindakan penuntut Melayu. Justeru, muncul semangat perjuangan dalam kalangan penuntut Melayu untuk turut sama membebaskan tanah air yang kebetulan pada masa tersebut berada di bawah penjajahan Inggeris (Mohamad Redzuan 2005).

Graduan al-Azhar generasi awal kembali ke tanah air dengan semangat dan misi untuk membuat perubahan dalam masyarakat yang dilihat ketinggalan dalam setiap lapangan. Mereka menujuhkan persatuan dan menggerakkan masyarakat melalui program islah yang dianjurkan. Fikrah politik graduan al-Azhar boleh dilihat dalam dua majalah yang dihasilkan iaitu *Suara al-Azhar* (1925-1928) dan *Pilehan Timour* (1927-28). Citra politik graduan al-Azhar agresif di sebelah pantai barat dan negeri-negeri Selat. Sementara di sebelah pantai timur, ia masih didominasi oleh golongan *al-Makkiyun* yang berorientasikan pendidikan pondok. Golongan yang digelar reformis ini telah menggesa masyarakat Melayu supaya membuat perubahan terhadap diri dan keluarga agar kehidupan masyarakat Melayu Islam setanding dan mampu bersaing dengan kaum lain. Pemikiran dan budaya negatif yang membenggu kehidupan mereka seperti sifat malas, berjudi dan mengongkong kaum wanita perlu dibuang jauh (Farid & Napisah 2009).

PENGARUH ASIA BARAT TERHADAP GERAKAN MAHASISWA DI ALAF BARU

Mahasiswa masa kini yang rata-rata terdiri daripada golongan belia, dipilih untuk melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi awam (IPTA) atau institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam negara berdasarkan ‘academic merit’ melalui peperiksaan. Peperiksaan-peperiksaan ini merupakan tapisan bagi menentukan hanya mereka yang berkelayakan sahaja diterima dan berpeluang meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Keadaan ini menimbulkan

suasana persaingan yang hebat di kalangan pelajar untuk mendapat keputusan yang cemerlang bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di dalam bidang pengajian yang menjadi tumpuan seperti perubatan dan kejuruteraan di universiti-universiti terbaik dalam dan luar negara (Ali Embi & Ahmad Faiz 2005).

Mahasiswa adalah sinonim dengan belia atau pemuda. Mahasiswa sentiasa dikaitkan dengan suatu kelompok penuntut ilmu yang dahagakan ilmu pengetahuan dan berkeinginan mempelajari ilmu-ilmu baru. Golongan ini sentiasa bersemangat dalam mengejar cita-cita yang diidamkan dan ingin mencari kebenaran kepada yang diyakininya. Di kalangan mereka, terdapat kumpulan yang lebih prihatin di mana mereka akan mencari dan membina idealism perjuangan dan jati diri dalam mempertahankan martabat diri, agama, bangsa dan negara namun fahaman dan unsur ekstrem perlu dielakkan oleh mahasiswa (Baharudin Ali Masrom 1988).

Razali Ismail (1998) menyatakan, ekstrem berpunca daripada keterujaan melampau mempromosi pandangan seseorang, pendekatan seseorang dan pemikiran seseorang dan menidakkan yang lain. Justeru tambah beliau, gerakan ini mewakili percubaan yang penting untuk mencapai median di dalam pelbagai aspek termasuk agama dan politik.

Menurut Yusuf Al-Qaradawi, ektrimsme secara literal bermaksud berada sejauh mungkin dari titik tengah. Manakala secara figuratif, ia menunjukkan ketersinggan atau keterpencilan yang sama dalam agama dan pemikiran termasuk sikap.

Bermulanya abad ke-21, fahaman golongan ekstremisme di Asia Barat seperti Taliban dan al-Qaeda mula mempengaruhi golongan mahasiswa seperti berita yang dilaporkan dalam *Utusan Malaysia* pada 8 Januari 2002, Prof. Datuk Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor Universiti Teknologi Mara menyatakan tidak membenarkan sebarang elemen ala-Taliban menyusup ke dalam kampus dan tindakan tegas telah diambil kepada kakitangan akademik dan mahasiswa yang terlibat walaupun masih terdapat cubaan-cubaan menyusup ke dalam kampus tetap ada. Seterusnya pada tahun yang sama juga dalam *Utusan Malaysia*, mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri telah berucap yang mana mahasiswa perlu matang dalam menangani pengaruh bawah tanah atau militan di Institusi Pengajian Tinggi. Beliau menegaskan mahasiswa, terutamanya yang menuntut di luar negara tidak menerima bulat-bulat dan terpengaruh dengan dakyah gerakan yang

didukung dengan fahaman wahabi dari Arab Saudi dan fahaman Syiah dari Iran.

Pendedahan yang mengejutkan pada tahun 2010 oleh bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dalam *Utusan Malaysia* yang menyatakan kumpulan militan, Jemaah Islamiah (JI) menggunakan strategi dan taktik baru dengan cuba merekrut mahasiswa untuk berjihad di luar negara. Hal ini terbongkar apabila polis berjaya mengusir 10 anggota JI dan menyelamatkan 20 mahasiswa dari terpengaruh dengan perjuangan tersebut. Antara rakyat Malaysia yang pernah menyertai JI adalah Noordin Mohd Top dan bekas pensyarah UTM, Dr. Azhari Husin yang dikenali sebagai pengganas paling berbahaya kerana kepakarannya merancang tragedi pengeboman.

Bertumpu kepada gerakan Mahasiswa, perlakuan ekstrem yang berlaku dalam kampus pada tahun 2011, beberapa akhbar utama di Malaysia telah melaporkan berkenaan segelintir di kalangan mahasiswa Melayu yang terlibat dalam aktiviti yang berunsurkan keras. Media massa mencatatkan tentang aktiviti-aktiviti yang agresif di kalangan mahasiswa dalam kempen-kempen pilihan raya universiti termasuk kekacauan serius yang dilakukan oleh mereka selepas pilihan raya universiti seperti yang berlaku di Institusi Pengajian Tinggi Awam pada tahun 2011. Seperti yang dilaporkan dalam *Utusan Malaysia* pada 24 Februari 2011 di mana berlaku kejadian kes pecah pintu di Universiti Putra Malaysia. Dalam demonstrasi pada 23 Februari 2011, pelajar Pro Mahasiswa merempuh unit keselamatan kampus hingga pecah pintu kaca. Dipercayai rempuhan tersebut disertai oleh 100 orang pelajar yang bukan hanya dari universiti tersebut dan akibatnya unit keselamatan UPM turut cedera ketika menahan asakan 100 orang pelajar yang memecahkan pintu kaca pejabat pentadbiran Hal Ehwal Pelajar di Universiti Putra Malaysia. Kelakuan yang melampau juga turut merebak di Universiti Putra Malaysia di mana keranda diusung untuk menyatakan bantahan terhadap keputusan pilihan raya kampus.

Keratan Akhbar *The Star*, 18 Februari 2011 turut menyiarkan berita tindakan mahasiswa pro pembangkang yang dikenali sebagai Pro Mahasiswa bertindak liar dengan memecahkan pintu pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar di Universiti Malaya apabila empat orang calonnya ditolak menjadi calon pilihan raya kampus. 150 orang pelajar turut bertindak ganas dengan membaling batu, mengasari pihak keselamatan. Turut terkejut dengan tindakan liar Pro Mahasiswa itu adalah pelajar-pelajar daripada Sudan dan Yemen yang menyifatkan perbuatan tersebut adalah amat mengejutkan sekali. Berikut adalah komen Gamil Abdulelah pelajar dari

Yemen... Malaysians student are normally very civil and friendly, it really raises an eyebrow to see them behaving like this... Kenyataan pelajar dari luar negara tersebut jelas membuktikan imej negara telah tercalar kerana perbuatan liar daripada kumpulan Pro Mahasiswa yang ekstrem, ganas dan subversif.

Pada 14 Januari 2011, Portal berita *Malaysia Kini* turut melaporkan sebilangan pelajar Gabungan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (Pro Mahasiswa UKM) telah ditangkap selepas membuat bantahan keputusan pilihan raya kampus di perkarangan masjid universiti tersebut. Mereka memulakan bantahan pada pagi Jumaat tersebut di kawasan pentadbiran UKM atau dikenali sebagai Canselori dan berlarutan sehingga pihak universiti terpaksa meminta bantuan dari pihak polis dan Pasukan Simpanan Khas Polis (FRU) untuk menyuraukan perhimpunan tersebut. Berlaku pergelutan di antara FRU dan pelajar apabila pelajar enggan bersurai dan melaung-laungkan bantahan keputusan pilihan raya kampus.

KEBANGKITAN DI ASIA BARAT DAN MAHASISWA DI MALAYSIA

Revolusi Islam atau Arab Spring bermula seawal bulan Januari 2010 di Tunisia apabila seorang pemuda bernama Mohamed Bouazizi yang bekerja sebagai seorang penjual sayur telah mengambil tindakan membakar dirinya sebagai tanda protes kepada kerajaan yang menghalang pekerjaannya. Rentetan dari peristiwa serius ini, Revolusi dilancarkan dan pemimpin Tunisia Ben Ali telah ditumbangkan. Melarap dari kes ini, sekitar Arab terus dipengaruhi revolusi diikuti dengan kejatuhan Husni Mubarak di Mesir, Muammar Gadaffi di Libya dan keadaan yang masih berlarutan di Syria.

Medium-medium seperti YouTube, Twitter, dan blog telah memainkan peranan yang sangat penting dalam revolusi dan menjadi faktor utama yang membantu dalam usaha menggerakkan rakyat untuk berdemonstrasi. Selain itu pendedahan yang laju dan bebas melalui penggunaan teknologi juga menjadikan teknologi sangat-sangat berperanan penting dalam mempermudahkan usaha gerakan revolusi ini.

Namun *Berita Harian* pada tarikh 23 Julai 2012 melaporkan, penganalisis politik dari UUM menyatakan kebangkitan mahasiswa dalam politik dilihat satu perubahan yang baik yang mana cenderung memilih pemimpin yang lebih mencerminkan ciri-ciri Islam dan trend di negara-negara yang mengalami Arab Spring terus meresap masuk ke minda mahasiswa.

Beliau menegaskan selagi perjuangan mahasiswa moderat tidak terlalu ekstrem berdasarkan adat dan budaya penduduk Malaysia sendiri, maka ia adalah perkara yang baik dalam politik negara.

Bagaimanapun, keadaan terus membimbangkan seluruh pihak apabila pihak berkuasa Lubnan pada 18 Oktober telah menangkap dan sedang membicarakan dua orang mahasiswa Malaysia yang disyaki menganggotai kumpulan yang mempunyai kaitan dengan al-Qaeda. Akhbar *Berita Harian* 30 Oktober 2012 melaporkan dua rakyat Malaysia yang ditahan di Beirut minggu lalu, dihadapkan ke Mahkamah Tentera Lubnan atas tuduhan menganggotai kumpulan al-Qaeda dan mengaku tidak bersalah serta diperintahkan membela diri. Pengarah Jabatan Petugas Khas dan Anti-pengganas Bukit Aman, Datuk Mohamad Fuzi Harun, berkata pihaknya sentiasa memantau pergerakan rangkaian kumpulan pengganas yang mempunyai kaitan dengan al-Qaeda dan tidak menolak kemungkinan adanya aktiviti merekrut rakyat tempatan menganggotai kumpulan itu di negara jiran.

Manakala Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin dalam *Berita Harian* 30 Oktober 2012, tidak menafikan ada pelajar terpengaruh dengan mereka tetapi kita tidak tahu berapa ramai yang terpengaruh dan berapa yang tidak. Antara sebab yang dinyatakan adalah dunia kini bersifat terlalu terbuka dan segala maklumat dapat diakses dengan mudah. Justeru sukar untuk mengesan pelajar yang terpengaruh dan kerjasama polis dan masyarakat penting untuk menangani masalah ini. Beliau meminta semua penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) supaya berfikir secara matang dan tidak sesekali terjebak dengan kumpulan pengganas yang boleh menghancurkan masa depan mereka dan harapan menggunakan keluarga.

Portal *Malaysia Kini* 30 Oktober melaporkan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan penahanan dua rakyat Malaysia di Lubnan yang didakwa mempunyai hubungan dengan kumpulan pengganas al-Qaeda sebagai kes terpencil. Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein pada 31 Oktober pula menafikan Malaysia sebagai pusat kegiatan merekrut pengganas di rantau ini. Beliau menegaskan pengganas ini bergerak bukan sahaja di Malaysia tapi ke negara-negara Timur Tengah dan mereka boleh direkrut di mana-mana sahaja kesan daripada globalisasi dan teknologi hari ini.

Melihat dari dakwaan pihak berkuasa Lubnan mengenai penglibatan al-Qaeda, *Utusan Malaysia* menyatakan dua rakyat Malaysia yang ditahan disyaki

terpengaruh dengan blog militan yang cuba merekrut pengikut kini dengan bergerak seiring dengan perkembangan semasa apabila menggunakan laman sosial seperti blog dan Facebook di seluruh dunia untuk menyertai kumpulan al-Qaeda. Kajian perisikan pada 1998 mendapati ketika itu hanya terdapat 38 laman web atau blog milik militan di internet, namun jumlah itu meningkat mendadak apabila dianggarkan sebanyak 5,500 blog militan dikesan di seluruh dunia pada tahun 2012. Kumpulan militan al-Qaeda ini sangat bahaya kerana mereka menolak sistem demokrasi dan negara berperlembagaan seperti Malaysia.

KESIMPULAN

Dalam sejarah perkembangan awal pemikiran pelajar Melayu, pengaruh dari Asia barat telah memainkan peranan sebagai sumber yang penting, bermula daripada peranan yang dimainkan oleh pemikiran islah. Tokoh-tokoh islah yang terdedah kepada perkembangan yang berlaku di Mesir cuba menimbulkan kesedaran dalam masyarakat Melayu dengan menerbitkan akhbar dan membuka madrasah. Pada tahun 1920-an dan 1930-an peranan Mesir sebagai sumber kesedaran awal politik masyarakat Melayu disumbangkan pula oleh pelajar-pelajar yang menuntut di Kaherah. Kemudahan percetakan membolehkan pelajar-pelajar ini memainkan peranan menyebarkan kesedaran sosial dan politik kepada masyarakat Melayu melalui tulisan dalam akhbar yang mereka terbitkan. Pelajar-pelajar ini menyuarakan pandangan supaya Tanah Melayu dibebaskan daripada kongkongan penjajahan politik serta ekonomi dan mengemukakan wawasan yang bercita-cita menyatukan alam Melayu sebagai sebuah rantau merdeka yang bersatu.

Berbeza pula dengan alaf baru, di mana sistem pendidikan dan pengajian tinggi di Malaysia telah mengalami proses matang melalui penambahbaikan dan pengemasan sistem pengajaran dan pembelajaran di Universiti. Mahasiswa khususnya sentiasa terarah kepada kecemerlangan dan menjadi harapan masyarakat di masa hadapan. Namun kemodenan penyampaian maklumat dalam dunia tanpa sempadan ini banyak mempengaruhi pemikiran dan ideologi mahasiswa terutamanya perubahan besar atau revolusi di Timur Tengah dan malang sekali apabila maklumat yang diterima oleh mahasiswa itu adalah salah dan bermotifkan perjuangan sesuatu kumpulan sahaja. Ini mengakibatkan berlakunya gejala-gejala ekstrem di kalangan mahasiswa dan menghakis tanggapan dunia

terhadap budaya masyarakat Malaysia umumnya dan Melayu khususnya yang terkenal dengan adab sopan dan budi pekerti mulia yang tinggi.

Peningkatan kejadian-kejadian sebegini sebenarnya memerlukan perhatian dan tindakan segera kerana sekiranya tidak dikawal, ia akan berkembang di kalangan mahasiswa universiti yang kesannya bukan sahaja mengganggu proses pembelajaran mahasiswa itu sendiri tetapi bersangkutan dengan pendidikan dan pentadbiran di universiti, malah boleh merencatkan wawasan pendidikan tinggi negara.

RUJUKAN

- Ab. Rahman Ismail. 2008. Gejala sosial remaja: implikasi terhadap keselamatan negara. *Jurnal Yayasan Dakwah Islam Malaysia* 10: 51-66.
- Abd Wahid Jais. 2006. Interaksi Malaysia-Mesir dari perspektif tamadun. Dlm. *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, disunting oleh Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob, 44-52. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam.
- Baharudin Ali Masrom. 1988. Mahasiswa selepas akta: kajian ringkas tentang gerakan pelajar Islam di Malaysia. Kertas Projek bagi Diploma Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian*. 2012. 19 April.
- Berita Harian*. 2012. 23 Julai.
- Berita Harian*. 2012. 30 Oktober.
- Farid Mat Zain & Napisah Karimah. 2009. Pengaruh dan Sumbangan al-Azhariyyun terhadap Perkembangan Islam di Malaysia. Dlm. *Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu*, disunting oleh Kaseh Abu Bakar. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam.
- Mahmood Zuhdi, Ab. Majid, Idris Awang, Kamil Abd. Majid & Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2005. Lulusan Universiti Al-Azhar dan impaknya terhadap pembangunan sosial di Malaysia. Dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*. 16: 1-36.
- Mahyudin Yahya. 1986. *Islam dan Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malaysia Kini*. 2011. 14 Januari.
- Malaysia Kini*. 2012. 31 Oktober.
- Mohamad Redzuan Othman. 2005. *Peranan Pelajar Lulusan Mesir dalam Perkembangan Politik dan Agama Masyarakat Melayu*. Seminar Pemerksaan Belia Islam Serantau. Anjuran YADIM, YAPEIM, MBM, INMIND dan ABIM. Malaysia Hall, Abbasiyah, Kaherah.
- Muhamad Ali Embi & Ahmad Faiz Abdul Hamid. 2005. Gerakan politik mahasiswa di Malaysia. Dlm. *Esei-Esei Pentadbiran Awam*, disunting oleh Muhamad Ali Embi & Rozita Abdul Mutalib, 3-27. Petaling Jaya: Prentice Hall.

- Al-Qaradawi, Yusuf. 2004. Extremism: the accusation and the truth, http://www.masnn.org/Books/Yusuf_Al_Qaradawi/Islamic_Awakening_Between_R [23 Februari].
- The Star*. 2011. 18 Februari.
- Utusan Malaysia*. 2002. 8 Januari.
- Utusan Malaysia*. 2010.
- Utusan Malaysia*. 2011. 24 Februari.
- Utusan Malaysia*. 2012. 30 Oktober.

Anwar Muttaqin

*Wan Kamal Mujani

**Kartini Aboo Talib @ Khalid

Jabatan Arab dan Tamadun Islam

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi

Selangor D.E.

MALAYSIA

*inamal@yahoo.com, inawan@ukm.my

** k_khalid@ukm.my; kartini_khalid@yahoo.com